# PENDIDIKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
# 5227/1

# PERATURAN PEMARKAHAN

Gempur Kecemerlangan
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
Tahun 2023

- MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH NEGERI PERLIS
- SEKTOR PEMBELAJARAN JPN PERLIS
- PANITIA PQS NEGERI PERLIS

**BAHAGIAN A**

1. مد عوض
2. مد لازم كلمي مثقل
3. دتقن سدرهان
4. 4 اتاو 5 حركة
5. مد بدل
6. مد واجب متصل
7. ابتداء
8. منبلكن
9. وحي
10. استغفار
11. حديث عزيز
12. زنا
13. الحاكم
14. حديث دراية
15. صحيح
16. القرءان
17. عقيدة
18. بيت العزة
19. حذف الإختصار
20. سند

## BAHAGIAN B

<table>
<tr><th colspan="4">SOALAN 1</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>i</td><td>Satu intisari daripada ayat ialah:<br>- Allah swt menjelaskan bahawa seorang anak tidak perlu mentaati ibu bapa jika mereka mengajak ke arah mensyirikkan Allah swt.<br>- Allah swt memerintahkan seorang anak untuk berbuat baik kepada ibubapa dengan mentaati perintah mereka.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima dengan merujuk kepada ayat.</td><td>1 isi x 2 m<br><br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Dua kewajipan anak terhadap ibubapa ialah:<br>- Mentaati kedua-dua ibubapa selagi tidak bercanggah dengan perintah Allah swt.<br>- Menunaikan amat yang telah mereka pertanggungjawabkan dengan sebaik mungkin.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2 m<br><br>= <u>4 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Implikasi terhadap keluarga akibat anak yang tidak mempunyai ihsan kepada ibu bapa ialah:<br>- Keharmonian sistem kekeluargaan tergugat kerana hilang rasa kasih sayang antara anak dengan ibubapa mereka.<br>- Melahirkan anak derhaka kepada ibu bapa kerana mereka tidak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang anak.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2 m<br><br>= <u>4 m</u></td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>i</td><td>Pengertian Al-Waqiah ialah:<br>- Nama bagi hari kiamat</td><td>1 isi x 2 m<br><br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Sebab umat Islam wajib beriman dengan Hari Akhirat ialah:<br>- Sentiasa bersedia untuk menghadap hari tersebut dengan melakukan kebaikan semasa hidup.<br>- Bertambah keimanan kepada Allah swt kerana yakin akan kekuasaanNya.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2 m<br><br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Kesan sekiranya tiada budaya mengimarahkan masjid ialah:<br><table>
<tr><td>I</td><td>Umat Islam akan berlumba-lumba untuk menambah amalan baik masing-masing</td></tr>
<tr><td>H</td><td>agar dianugerahkan ganjaran syurga di Hari Akhirat nanti.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini kerana mereka yakin bahawa Allah swt akan membalas setiap kebaikan yang mereka lakukan.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil : فَمَن يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُۥ</td></tr>
</table></td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= <u>6 m</u></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td>
<table>
<tr><td>HD</td><td>Jelaslah bahawa Allah swt akan menghitung semua amalan yang dilakukan oleh hambaNya.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Rumusannya umat Islam perlu bersedia untuk menghadapi Hari Kiamat agar tidak tergolong dalam kalangan orang yang rugi</td></tr>
</table>
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.
</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="4">SOALAN 2</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>i</td><td>Peranan Al-Quran Dan Al-Sunnah kepada manusia ialah:<br>- Sumber rujukan yang benar untuk memandu manusia ke arah hidup yang diredhai oleh Allah swt.<br>- Menjadi benteng utama dari terpengaruh dengan anasir yang cuba menyesatkan umat Islam.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima</td><td>1 isi x 2 m<br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Pengajaran daripada hadis ialah.<br>- Kita hendaklah sentiasa berpegang dengan Al-Quran dan Hadis agar tidak tersesat dalam kehidupan.<br>- Kita hendaklah yakin bahawa Al-Quran dan hadis boleh memandu kita ke arah kebenaran agar iman kita sentiasa bertambah.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2 m<br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Pada pendapat saya, aktiviti seminar hadis sering tidak mendapat sambutan dalam kalangan remaja kerana:
<table>
<tr><td>I</td><td>Remaja tidak menyedari kepentingan mempelajari ilmu hadis</td></tr>
<tr><td>H</td><td>kerana merasakan ilmu ini sudah tidak sesuai dengan perkembangan semasa.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini akan menyebabkan mereka terus sesat di dalam kehidupan.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil :<br>تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ، لَنْ تَضِلُّوْا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا : كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ رَسُولِ اللهِ ﷺ.</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Jelaslah bahawa Al-Quran dan hadis boleh menjamin kesejahteran umat Islam.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Rumusannya para remaja perlu mendalami ilmu hadis kerana ilmu tersebut boleh memberi manfaat yang besar dalam kehidupan.</td></tr>
</table>
Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br>= <u>6 m</u></td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>i</td><td>Intisari hadis ialah:<br>- Rasulullah saw menjelaskan bahawa lelaki yang hatinya terpaut dengan masjid termasuk dalam golongan yang akan mendapat naungan Allah swt di akhirat nanti.</td><td>1 isi x 2 m<br>= <u>2 m</u></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Rasulullah saw menjelaskan bahawa orang yang bersedakah dalam keadaan ikhlas akan dipelihara oleh Allah swt pada Hari Akhirat nanti.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima dengan merujuk kepada ayat. | |
| | ii | Kepentingan mendapatkan naungan Allah swt dalam kehidupan ialah:<br>- Menggalakkan manusia untuk sentiasa melakukan kebaikan agar selamat di akhirat nanti.<br>- Membentuk kehidupan yang harmoni kerana semua manusia berusaha untuk mendapatkan keredhaan allah swt.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m<br><br>= **4 m** |
| | iii | Cara menjaga kehormatan diri agar menjadi mukmin yang sejati ialah:<br><br>- Mengamalkan akhlak mahmudah agar tidak terpengaruh dengan akhlak mazmumah yang boleh merosakkan hidup.<br>- Sentiasa mendekatkan diri dengan Allah swt agar keimanan lebih kuat.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2 isi x 2 m<br><br>= **4 m** |

<table>
<tr><th colspan="4">SOALAN 3</th></tr>
<tr><td>a)</td><td>i</td><td>Pengertian Nuzul Al-Quran ialah:<br>- Penurunan Al-Quran daripada Alllah swt ke Luh Al-Mahfuz, seterusnya ke Baitul Izzah, seterusnya kepada Rasulullah saw melalui perantaraan Malaikat Jibrail.</td><td>1 isi x 2 m<br><br>= 2 m</td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Jika peristiwa nuzul Al-Quran tidak dihayati :<br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Umat Islam tidak menyakini dengan kebenaran Al-Quran</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Kerana mereka tidak mengetahui sirah Rasulullah saw.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Ini akan menyebabkan mereka sesat.</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil :<br>﴿الٓمٓ ۝١ ذَٰلِكَ ٱلۡكِتَٰبُ لَا رَيۡبَۛ فِيهِۛ هُدٗى لِّلۡمُتَّقِينَ ۝٢﴾</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Jelaslah bahawa Al-Quran adalah sesuatu yang tidak boleh diragui.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Rumusannya kita perlulah menghayati peristiwa Nuzul Al-Quran agar keiman umat Islam semakin mantap.</td></tr>
</table>
<br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= 6 m</td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| b) | Kesan pelaksanaan inovasi Mushaf Uthmani terhadap umat Islam:<br>- Memberi kesedaran terhadap kepentingan talaqqi musyafahah ketika membaca Al-Quran agar tidak berlaku kesilapan.<br>- Mengelakkan daripada melakukan kesalahan penulisan Al-Quran agar kesuciannya terpelihara.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | | 2 isi x 2 m<br>= **4 m** |
| c) | i | Syarat hadis Mutawatir:<br>- Bilangan perawi ramai.<br>- Bilangan perawi ramai mustahil berpakat melakukan pendustaan.<br>- Jumlah perawi seimbang pada setiap tabaqat.<br>- Perkabaran hadis diterima melalui pancaindera. | 2 isi x 1 m<br>= **2 m** |
| | ii | Senarai 2 kitab Sunan Sittah selain Sahih Bukhari dan Sahih Muslim :<br>- Sunan Abi Daud<br>- Jami' At Tirmizie<br>- Sunan An Nasai<br>- Sunan Ibn Majah | 2 isi x 1 m<br>= **2 m** |
| | iii | Tindakan yang sewajarnya saya lakukan untuk menjadikan Sunan Sittah sebagai panduan dalam kehidupan:<br>- Memupuk disiplin diri untuk mengkaji sumber hadis yang sahih agar tidak terpengaruh dengan hadis palsu.<br>- Memperbanyakkan penglibatan dalam majlis ilmu agar boleh mendalami bidang hadis.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.<br>- | 2 isi x 2 m<br>= **4 m** |

| SOALAN 4 | | | |
|---|---|---|---|
| a) | i | Pengertian Islam:<br>- Kepatuhan kepada perintah-perintah dan larangan-larangan Allah swt, melalui syariat yang dibawa oleh Rasulullah saw. | 1 isi x 2 m<br>= **2 m** |
| | ii | Kedudukan Islam sebagai ad-Din yang sempurna: :<br>- Allah swt hanya mengikhtiraf Islam sebagai agama yang diredhaiNya.<br>- Islam agama fitrah.<br>- Islam sesuai untuk semua umat manusia.<br>- Islam bertujuan untuk kesejahteraan dan keselamatan kepada manusia. | 1 isi x 2 m<br>= **2 m** |
| | iii | Istilah lain dalam Al-Quran yang membawa maksud pahala:<br>الثواب<br>الأجر | 2 isi x 1 m<br>= **2 m** |

<table>
<tr><td></td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>iv</td><td>Faktor yang membawa kepada pahala:<br>- Berusaha melakukan kebaikan agar dapat memajukan diri.<br>- Mencari rakan yang baik agar mereka dapat membimbing diri ke arah kebaikan.<br>- Memperbanyakkan amal kebajikan supaya menjadi jariah selepas meninggal dunia.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>2 isi x 2 m<br><br>= <u>4 m</u></td></tr>
<tr><td colspan="4"></td></tr>
<tr><td>b)</td><td>i</td><td>2 kewajipan pengurusan jenazah muslim:<br>- Memandikan<br>- Mengafankan<br>- Menyembahyangkan<br>- Mengebumikan</td><td>2 isi x 1 m<br><br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>ii</td><td>Kepentingan pengurusan jenazah terhadap masyarakat :<br><br>- Melaksanakan tanggungjawab masyarakat terhadap sesama muslim agar dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh waris si mati.<br>- Mewujudkan masyarakat yang saling bantu menbantu agar silaturrahim berkekalan.<br>- Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>1 isi x 2 m<br><br>= <u>2 m</u></td></tr>
<tr><td></td><td>iii</td><td>Langkah yang perlu diambil oleh pihak berkuasa agar tragedi tanah runtuh tidak berulang adalah:<br><br>
<table>
<tr><td>I</td><td>Menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas</td></tr>
<tr><td>H</td><td>Agar semua pihak tidak melakukan kemusnahan terhadap alam.</td></tr>
<tr><td>HL</td><td>Hal ini akan memastikan bencana dapat dihindari</td></tr>
<tr><td>D</td><td>Sebagaimana dalil :<br>﴿ وَلَا تَبۡغِ ٱلۡفَسَادَ فِي ٱلۡأَرۡضِۖ ﴾</td></tr>
<tr><td>HD</td><td>Jelaslah bahawa Islam melarang umat manusia melakukan kerosakan di bumi.</td></tr>
<tr><td>R</td><td>Rumusannya semua pihak perlu memainkan peranan agar gejala tanah runtuh tidak berulang.</td></tr>
</table>
<br>Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.</td><td>I - 1 m<br>H - 1 m<br>HL - 1 m<br>D - 1 m<br>HD - 1 m<br>R - 1 m<br><br>= <u>6 m</u></td></tr>
</table>